

Dua pelajar UMP ditemui lemas ^{mas40}

BIT (Nasional) 15 Jun 22/4

Kuantan: Dua pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) ditemui lemas di Pusat Rekreasi Air Terjun Berkelah dekat Maran, semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Bomba dan Penyelamat Pahang, Anuar Hassan, berkata mayat mangsa ditemui jam 6.05 petang selepas dilaporkan hilang ketika mandi pada jam 1.09 tengah hari.

Katanya, mangsa yang berusia 20 tahun itu dikenal pasti sebagai Amer Fahmi Othman berasal dari Pulau Pinang dan Mohd Kamal Ismail dari Pasir Gudang, Johor Bahru.

“Mayat mangsa ditemui di dasar air terjun berkenaan oleh Unit Penyelam Bomba sebelum dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan untuk bedah siasat,” katanya ketika dihubungi, di sini.

BERNAMA